

MRT bukti janji BN ditunaikan

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Pembinaan fasa pertama projek Transit Aliran Massa (MRT) Malaysia yang dijangka beroperasi pada 16 Disember ini merupakan bukti terhadap janji-janji kerajaan Barisan Nasional (BN) yang berjaya ditunaikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak percaya projek MRT merupakan satu lagi ikon kepada ibu negara sekali gus akan memberi impak yang meluas dan limpahan terhadap rangkaian perniagaan berkaitan.

“Projek MRT dijangka menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan selesa serta pengguna dapat menuju ke destinasi dengan pantas.

“Selain itu, sistem MRT juga

akan memperhebatkan jaringan hubungan di Lembah Klang dan diintegrasikan dengan mod pengangkutan awam lain seperti bas serta teksi,” katanya dalam status terbaharu akaun Facebook miliknya di sini hari ini.

Projek pengangkutan awam yang menghubungkan laluan Sungai Buloh dan Kajang merupakan fasa pertama pembinaan MRT telah siap mengikut jadual yang ditetapkan.

Laluan itu akan memulakan operasi pertamanya dijangka pada 16 Disember ini setelah berjaya memenuhi syarat jadual yang telah ditetapkan oleh kerajaan manakala fasa kedua Semantan - Kajang dijangka siap pada pertengahan 2017.



NAJIB TUN RAZAK